

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 6 TAHUN 1983**

### **DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KEPADA AGensi KERAJAAN NEGERI (PKINK ATAU YAKIN)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Semua Pemungut Hasil Tanah mengenai dasar dan syarat pemberianmilik tanah kepada Agensi Kerajaan Negeri seperti PKINK atau YAKIN.

2. Pada 10.2.1982 ( melalui Kertas Bil. 3/58/82(7) ) Majlis Mesyuarat telah menetapkan satu dasar mengenai pemberianmilik tanah kepada Badan-Badan Berkanun Kerajaan Pusat termasuk Agensi Kerajaan Negeri seperti PKINK dan YAKIN. Keputusan ini telah diberitahu kepada semua Pemungut Hasil Tanah melalui Pekeliling Pejabat ini Bil. 3/82. Dasar pemberianmilik tanah-tanah PKINK dan YAKIN diterang di dalam perenggan 4 Pekeliling tersebut.
3. Pada 23.3.1983 [ melalui Kertas Bil. 6/230/83(35) ) Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meminda dasar mengenai tanah-tanah yang diberimilik kepada PKINK dan YAKIN iaitu tanah-tanah demikian dibebaskan daripada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara **bagi pindahmilik kepada pembeli pertama sahaja dan pembeli pertama bolehlah menggadai tanah tersebut kepada Institusi Kewangan yang disenarai di dalam Jadual 'D' Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Melayu Kelantan 1938.** Dengan adanya keputusan baru ini perenggan 4(c) daripada Pekeliling Bil. 3/82 hendaklah dipadamkan dan diganti dengan perenggan (c) yang baru bagaimana berikut :-

“Bagi mempercepatkan proses pindahmilik dan menggadai tanah-tanah perumahan dan kedai-kedai yang dimiliki oleh PKINK atau YAKIN disyorkan supaya Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa melulus pemberianmilik memberi jua kelulusan bagi membebaskan Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara bagi pindahmilik daripada PKINK atau YAKIN kepada pembeli pertama yang dilulus oleh PKINK atau YAKIN dan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Institusi Kewangan dalam Jadual ‘D’ Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan Kelantan, 1938.”

4. Selaras dengan keputusan baru yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 23.3.1983 ini Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil ingatan yang tanah-tanah PKINK dan YAKIN hanya dibebaskan daripada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara kepada penerima pindahmilik dan gadaian **pertama** sahaja kepada Institusi Kewangan yang disenarai di dalam Jadual ‘D’ Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938. Ini bermakna bahawa :-
  - (a) Pindahmilik pertama kepada Orang-Orang Melayu Anak Kelantan dan gadaian pertama oleh mereka itu kepada Institusi Kewangan yang disenarai di dalam Jadual ‘D’ Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 dibebaskan daripada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara ;

- (b) Pindahmilik kedua ( subsequent transfer ) walaupun kepada seorang Anak Melayu Anak Kelantan dan gadaian kedua (subsequent charges) walaupun kepada sebuah Institusi Kewangan yang disenarai di dalam Jadual 'D' Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 masih memerlukan kelulusan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara.
- ( c ) Bagi tanah-tanah dalam Kawasan Rizab Melayu Pindahmilik kepada seorang Bukan Melayu sama ada ia Anak Kelantan atau Bukan Anak Kelantan masih memerlukan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930.
- (d) Permohonan oleh penerima-penerima pindahmilik (a) dan ( c ) untuk menggadai tanah kepada Institusi Kewangan yang tidak disenarai di dalam Jadual 'D' Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 masih memerlukan kelulusan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.
- (e) Untuk makluman semua Pemungut Hasil Tanah semua permohonan di dalam golongan perenggan ( c ) dan (d) di atas telah dan akan diproses oleh Pejabat ini.

**t.t**  
**( Md. Hussain bin Hassan )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
**KELANTAN.**

**KOTA BHARU : 21hb. April, 1983.**

**KEPADA :**

Semua Pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan termasuk PPHT. Jajahan Kecil Jeli.

**SALINAN KEPADA :**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
Kelantan. (Bahagian Perkhidmatan 3 salinan)

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,  
Kelantan, Kota Bharu.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,  
Kelantan, Kota Bharu.

YBrs. Setiausaha Sulit,  
Dato' Menteri Besar,  
Kelantan.

Pengurus Besar PKINK.

[ PTG. (KN.) SULIT. BIL. 32/80/(27) ]



دبجابت فغار تانه دان كمالين كلتن،  
كوتبهارو

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.

Telefon: Pejabat 781957  
Talian terus  
Pengaroh 781962



Ruj. Kami: PTG.KN.SULIT.32/80(50)

Bertarikh: 25 Jamadilawal 1417  
08 Oktober 1996

Ke majlis,  
Semua Pentadbir Tanah,  
Kelantan.

Tuan,

**PENJELASAN PEKELILING PTG.KN. 6/1983**

Adalah dimaklumkan bahawa Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil. 6/1983 bertarikh 21 April 1983 adalah diperjelaskan sebagaimana berikut:-

Perenggan 4.(a) hendaklah dibatalkan dan gantikan dengan perenggan yang baru berbunyi:


"Pindahmilik pertama kepada Orang-Orang Melayu sama ada Anak Kelantan atau tidak dan gadaian pertama oleh mereka itu kepada Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual 'D' Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 dibebaskan daripada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara."

Sekian, terima kasih.

**" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "**

Yang menurut perintah,

Telah hantar tangan/pos berdaftar pada 14/10/96...

  
(Hj. Nik Azman Shah b. Dato' Nik Abdullah)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

tanda tangan

1. Pengarah,  
Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN),  
Tkt. 5, Kompleks YAKIN,  
Jalan Gajah Mati,  
15000 KOTA BHARU.

2. Ketua Eksekutif,  
Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan,  
Tingkat 9-11, Bangunan PKINK,  
Jln. Tengku Maharani Puteri,  
15000 KOTA BHARU.